

Peguam negara nafi akaun Najib dibekukan
The Malaysian Insider
July 8, 2015

Peguam Negara Tan Sri Abdul Gani Patail menafikan laporan mengatakan 3 daripada 6 akaun bank yang dibekukan pasukan petugas khas semalam adalah milik Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak.

Gani berkata, perintah pembekuan yang dikeluarkan pada 6 Julai lalu tidak melibatkan mana-mana akaun yang dikatakan milik Najib.

"Satu lagi isu yang membimbangkan adalah dokumen itu dikatakan dibocorkan dari dalam siasatan itu sendiri.

"Peguam negara juga memperjelas perintah pembekuan yang dikeluarkan pada 6 Julai, 2015 tidak melibatkan mana-mana akaun yang dikatakan dipunyai perdana menteri," katanya.

Beliau mengulas laporan semalam yang menyatakan 3 daripada 6 akaun bank yang dibekukan oleh pasukan petugas khas pada Isnin dimiliki Najib.

Gani berkata, pihaknya bimbang terjadi kebocoran dokumen berkaitan dengan suatu siasatan jenayah yang masih berjalan dan meminta supaya siasatan penuh dibuat terhadap perkara itu.

Katanya, dokumen yang didedahkan Wall Street Journal (WSJ) melalui artikel "Malaysia Orders Freeze of Accounts Tied to Probe of Alleged Transfers to Prime Minister Najib" bertarikh 7 Julai, 2015 itu masih dalam siasatan.

Sehubungan itu, beliau menekankan kepentingan menjaga integriti siasatan itu agar tidak timbul kemusykilan di kalangan orang awam.

"Ini bukan persoalan 'whistle-blowing' kerana perkara yang berkenaan sudah dalam siasatan," katanya.

Beliau juga bimbang tentang sindiran dan kenyataan yang dibuat, mengaitkan peguam negara dengan agenda politik tertentu.

Katanya, tujuan pasukan petugas khas antara lain ialah agensi itu ditubuhkan bagi memastikan tidak timbul sebarang salah guna mekanisme siasatan.

Beliau tidak akan teragak-agak mendakwa mana-mana individu yang didapati membocorkan maklumat sulit yang berkaitan siasatan kerana ia satu kesalahan jenayah di bawah Seksyen 133 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Seksyen 145 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

Katanya, individu yang mempunyai akses kepada dokumen atau maklumat berhubung hal ehwal atau akaun pelanggan suatu institusi kewangan, termasuk

institusi kewangan itu, atau orang itu pernah menjadi pengarah, pegawai atau ejen institusi kewangan itu, jika mendedahkan kepada orang lain apa-apa dokumen atau maklumat yang berhubungan dengan hal ehwal atau akaun mana-mana pelanggan institusi kewangan itu, boleh dikenakan dakwaan di bawah akta tersebut.

"Adalah menjadi suatu kesalahan jenayah mengikut Seksyen 203A Kanun Keseksaan bagi sesiapa yang menzahirkan sebarang maklumat atau perkara yang diperolehnya ketika melaksanakan tugasnya atau fungsinya di bawah mana-mana undang-undang bertulis.

"Bagi sesiapa yang mempunyai sebarang maklumat atau perkara yang diketahuinya, dizahirkan dengan melanggar undang-undang, untuk selanjutnya menzahirkan maklumat atau perkara itu kepada mana-mana orang lain," katanya.

Pasukan itu dalam kenyataannya semalam berkata, ia membekukan 6 akaun bank serta merampas dokumen berkaitan 17 akaun daripada 2 bank untuk siasatan lanjut.

Kenyataan itu turut menyebut rampasan dan pembekuan itu berkaitan dengan pelanggaran undang-undang oleh Bank Negara Malaysia. – 8 Julai, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/peguam-negara-nafi-akaun-najib-dibekukan>